


# SEKTOR PELANCONGAN : ISU DAN CABARAN MODENISASI



G  
155  
. M4  
. S45  
2011

4000021086

209354



# SEKTOR PELANCONGAN : ISU DAN CABARAN MODENISASI

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## EDITOR

Jennifer Chan Kim Lian, PhD  
Zaiton bt Hj. Mohamad, MA, K.B, P.A

Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Malaysia Sabah 2011

PERPUSTAKAAN UMS



1400021086

4000021086 - GWSR69 / 11<sup>3/3</sup>

(C) Universiti Malaysia Sabah, 2011

Semua hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Universiti Malaysia Sabah. Keizinan mendapat hak terbitan daripada hak cipta ini tertakluk kepada royalti atau honorarium.



Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing - in-publication  
Data

ISBN 978-983-2641-67-4

G  
155  
- 04  
- S45  
2011

*Muka taip teks : TMNS 11*  
*Saiz taip teks dan leading : TMNS 11* Pereka letak halaman :  
*Gomera Jumat*

*Dicetak oleh:*

*Percetakan CCS Sdn. Bhd.*

## KANDUNGAN

	Muka surat
<i>Prakata</i>	i
<i>Penghargaan</i>	ii
Latar Belakang	1-4
Pengenalan kepada Isu-isu Semasa, Modenisasi dan Kemodenan	5-10
Apa Peranan Mahasiswa dalam Menangani Fenomena Jenayah Siber dan Isu Pernerdagangan Manusia di Malaysia	11-18
Modenisasi, Masyarakat Malaysia dan ICT: Isu, Cabaran dan Penyelesaian	19-30
Impacts of Tourism on Local Community and the Tourist and Host Relationship	31-42
Jenayah dan Masalah di Kalangan Remaja: Cabaran dan Realiti Dunia Siber	43-58
Lampiran Isu-isu Penggajian Pekerja Sabah di Luar Negara	59-76

## PRAKATA

Masalah jenayah siber dan isu pemerdagangan manusia bukanlah merupakan isu yang baru sekiranya dilihat dari sejarah ketamadunan manusia. Isu ini telah timbul sejak zaman dahulu, namun dalam bentuk dan corak yang berbeza daripada sekarang. Keadaan tersebut berlaku kerana pada zaman yang serba canggih dalam arus permodenan dunia tanpa sempadan ini, manusia menjadi semakin mudah menjalankan urusan jual beli dan perniagaan tanpa memerlukan pertemuan yang konvensional.

Walaupun perniagaan dan jual beli itu sendiri adalah amat dituntut dalam agama sekiranya dimanfaatkan dengan baik untuk penjanaan ekonomi negara dan dunia. Namun, sekiranya menyalahi norma dan etika kemanusiaan, pengurusan yang mudah dan perniagaan yang salah merupakan satu jenayah yang boleh meruntuhkan ketamadunan manusia. Justeru itu, inisiatif Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Sektor Pelancongan : Isu dan Cabaran Modenisasi” amat bertepatan. Program seumpama ini amat sesuai apatah lagi pada ketika ini negara telah dikejutkan dengan isu jenayah siber dan pemerdagangan manusia yang telah memberikan kesan negatif kepada perkembangan industri pelancongan. Negara Malaysia dikatakan menjadi negara transit sebelum mangsa-mangsa dihantar ke negara-negara yang lain.

Sehubungan itu, topik-topik yang dibentangkan juga akan merangkumi perkara utama selain beberapa isu semasa yang sedang melanda negara. Semoga penganjuran forum dan seminar kali ini akan berkesinambungan sekaligus menjadi program tahunan bagi melihat isu-isu semasa yang lain seperti isu pembuangan bayi, masalah-masalah pelajar di IPT serta keruntuhan institusi kekeluargaan, agar boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada semua pembaca.

**BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA DR.  
KAMARU ZAMAN HAJI AMPON**  
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah

## **PENGHARGAAN**

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera**

Alhamdulillah syukur kepada Tuhan kerana dengan keizinanNya maka terbitlah buku hasil daripada bahan-bahan dan kertas-kertas kerja yang dibentangkan sepanjang Sektor Pelancongan: Isu dan Cabaran Modenisasi yang diadakan pada 26 Ogos 2010 di Dewan Resital, UMS. Kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua ahli panel forum dan juga pembentang-pembentang serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang program tersebut berlangsung.

Program berbentuk akademik ini merupakan kali pertama dianjurkan oleh Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, Jabatan Hal Ehwal Universiti Malaysia Sabah. Walaupun Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya sudah lama diwujudkan, atas kesibukan dalam pembangunan mahasiswa dan kekurangan kakitangan maka hanya pada tahun 2010 pihak Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya dengan kerjasama Sekolah Perniagaan dan Ekonomi dibawah Program Pengurusan Pelancongan (SPE) dapat menjayakan program berbentuk akademik sebegini. Terima kasih diucapkan kepada Y.Bhg ACP Prof. Madya Dr. Hj. Kasim bin Hj. Md. Mansur, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) dan terima kasih juga kepada KAPT Darwis Awang selaku Ketua, Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang telah memberikan sokongan sepanjang menjayakan program ini. Selain daripada itu, terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada semua AJK yang telah bertungkus lumus menjayakan program tersebut serta panel dan pembentang-pembentang yang telah memberikan kerjasama dan input-input yang bermanfaat kepada pelajar di UMS.

Diharap kandungan buku ini dapat memberikan sedikit banyak pengetahuan yang berguna kepada para pembaca sekalian.

**ZAITON BT. HJ. MOHAMAD MA, K.B, P.A**

**Pegawai Psikologi**

**Bahagian Kaunseling & Bimbingan Kerjaya HEP, UMS.**

## LATAR BELAKANG

### **PROF.MADYA DR.MOHD NOOR MAT YAZID**

Dilahir, dibesar dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di Kelantan sehingga melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Mendapat ijazah pertama dalam bidang Sains Pembangunan dengan kepujian dalam tahun 1989, Diploma Pendidikan dari Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur 1991. Menjadi guru selama satu tahun di Kelantan sebelum menjawat sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak mulai tahun 1992. Mendapat ijazah sarjana dalam bidang International Studies dari University of Leeds, England pada tahun 1997 dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang yang sama dari The University of Birmingham dalam tahun 2004. Mulai bertugas sebagai pensyarah di Program Hubungan Antarabangsa, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mulai September 1997 sehingga kini.

### **PROF. MADYA DR.JENNIFER KIM LIAN CHAN**

*Associate Professor Dr. Jennifer Kim Lian Chan* has a PhD in Tourism and Hospitality Management and is a tourism lecturer at the School of Business and Economics. She is also the Deputy Director for the Centre for Academic Advancement of Universiti Malaysia Sabah, Malaysia and a national panel auditor for the Tourism and Hospitality Program appointed by the Malaysian Qualifications Agency. Her research interests and current research areas include nature tourism management/ecotourism, tourist/guest behaviour (tourist experiences, satisfaction and service quality in tourism), service experience management, small and medium-sized accommodation management and tourism destination marketing and positioning.

Her recent research work include tourist behaviour in low cost airlines, city tourism experiences, operating small and medium-sized accommodation, guest satisfaction, nature quality tourism in Sabah, and marketing and positioning Sabah as a tourist destination. Dr. Chan's research publications comprise articles in the Journal of Sustainable Tourism, Journal of Asia Pacific Travel Tourism, Journal of Travel and Tourism Marketing, Journal of Hospitality Marketing and Management, World Journal of Tourism, Leisure and Sports; Tourism, Culture & Communication, 8 chapters in books and more than 40 refereed conference proceedings. Dr. Chan has received 4 international best conference proceeding awards related to her research areas. She has been invited to speak at international conferences and has also served in steering committees for the Malaysia Tourism Strategic Plan Malaysia Plan 10, Economic Planning Unit, Malaysia, 2010. She is an editorial board member for the Journal of Hospitality Management and Tourism, World Journal of Tourism Small Business Management, World Journal of Eco-tourism, Asian Journal of Business Research; she is the editor-in-chief for the Tourism Educators Association of Malaysia (TEAM) Journal for Tourism and Hospitality. She is also a regular reviewer for several tourism and hospitality journals.

E-mail: [jkimchan@yahoo.co.uk](mailto:jkimchan@yahoo.co.uk); [jenniferchan@ums.edu.my](mailto:jenniferchan@ums.edu.my)

**DR. MOHD DAHLAN HJ. A. MALEK**, BA (IRKH), BHS (Psychology), UIA, MA (Industrial & Organisational Psychology) UKM, PhD (Psychology), University of Aberdeen, Scotland

Dr. Mohd Dahlan Hj. A. Malek merupakan Pensyarah Kanan dan juga Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) di Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau mendapat ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Psikologi Industri dan Organisasi daripada University of Aberdeen, Scotland. Beliau juga merupakan editor kepada jurnal peringkat antarabangsa seperti International Journal of Social and Economic



Research. Beliau juga terlibat sebagai penilai artikel dalam jurnal antarabangsa yang lain seperti *Journal of Traumatic Stress*, *The International Journal of Cross Cultural Management* dan juga *The International Journal of Wildland Fire (IJWF)*. Di samping itu, beliau merupakan ahli kepada *American Psychological Association, Division 38, Health Psychology*, *American Psychological Association, Division 36, Psychology of Religion*, *International Association of Applied Psychology* dan juga merupakan ahli kepada *Malaysian Psychological Association (PERSIMA)*. Minat utama beliau termasuklah kepuasan kerja, stres pekerjaan, motivasi kerja, kepemimpinan dan juga psikologi agama.

**IDA SHAFINAZ BT. MOHAMED KAMIL, LLB. (UIA, Malaysia), LLM. (Business Law) (Abersytwyth)**

Ida Shafinaz memperoleh ijazah Sarjana Muda dalam Undang-Undang pada tahun 1994 daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Malaysia. Beliau juga telah memperoleh ijazah Sarjana Undang-Undang (Undang-Undang Perniagaan) pada tahun 1996 daripada University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom. Beliau merupakan pensyarah kanan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau juga menjadi penasihat akademik kepada pelajar-pelajar program Perakaunan di Sekolah Perniagaan & Ekonomi. Minat utama beliau termasuklah undang-undang dan wanita, undang-undang perniagaan, undang-undang berkenaan harta intelek, undang-undang siber, e-dagang serta undang-undang perbankan luar pesisir.

**MADZARAL BIN SEBALUN**

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Hubungan Industri) Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada tahun 1999. Mendapat latihan perundangan di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan Malaysia (ILKAP).

Mula berkhidmat dengan Kementerian Sumber Manusia pada 18 Jun 2001. Ditempatkan di Jabatan Tenaga Kerja Selangor sehingga 2004. Kemudiannya dipinjamkan kepada Ibu Pejabat Jabatan Perhubungan Perusahaan, Putrajaya. Pada tahun 2006, berkhidmat di Jabatan Tenaga Kerja Pelabuhan Kelang sehingga 2007. Awal tahun 2008 ditempatkan di Jabatan Tenaga Kerja Sabah sehingga sekarang.

Berpengetahuan dalam pengendalian kes-kes tuntutan buruh, pengendalian pertikaian industri, dan menjadi penasihat kepada majikan-majikan GLC semasa berkhidmat di Semenanjung. Di Sabah, beliau banyak terlibat dengan kempen-kempen pementapan pekerjaan, penyelaras Bahagian/ Pusat Pengurusan Pekerja Malaysia Luar Negara (MOEMC), penyelaras portal JOBSMALAYSIA, dan penyelaras Unit ATIP (Penguatkuasa Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran). Tugas terkini adalah sebagai Pegawai Khas kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia di Sabah.

# **PENGENALAN KEPADA ISU-ISU SEMASA, MODERNISASI DAN KEMODENAN**

*Oleh*

**Kasim Mansur, PhD**  
**Sekolah Perniagaan dan Ekonomi**  
**&**  
**Mohd. Noor Mat Yazid, PhD**  
**Sekolah Sains Sosial**  
**Universiti Malaysia Sabah**

Forum dan perbentangan kertas kerja sempena Sektor Pelancongan: Isu dan Cabaran Semasa Modenisasi dan kemodenan yang diadakan pada 26 Ogos 2010 lalu adalah kena pada masanya. Ini kerana dewasa ini, proses modenisasi dan kemodenan yang berlaku di peringkat antarabangsa dan Malaysia khususnya telah membawa kepada pertembungan nilai-nilai serta norma-norma tertentu. Antara isu yang diketengahkan adalah kesan proses globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang bermula sejak awal tahun 1990-an, perkembangan pesat ICT dan kesannya kepada proses kemodenan dan perkembangan pesat teknologi komunikasi serta pengangkutan antarabangsa. Pada masa yang sama, kesan pertumbuhan dan perkembangan industri pelancongan memberikan kesan yang ketara kepada ekonomi dan komuniti juga.

Perkembangan pesat teknologi pengangkutan yang semakin canggih telah memungkinkan pergerakan manusia serta perjalanan dari satu tempat ke tempat yang lain dengan lebih cepat dan murah. Pengenalan konsep tambang murah yang diperkenalkan oleh syarikat penerbangan seperti Air Asia, Easy Jet dan Ryan Air telah membuka peluang seluasnya kepada semua lapisan masyarakat menggunakan kemudahan pengangkutan udara yang tidak berlaku sebelum ini.

Perkembangan pesat teknologi maklumat seperti internet sebagai satu alat medium komunikasi telah membuka satu wadah penyebaran

maklumat yang murah, cepat serta meluas penggunaannya. Kedua-dua perkembangan ini telah memberi kesan yang besar kepada masyarakat, khususnya generasi muda.

Penyalahgunaan perkembangan pesat dalam teknologi yang dinyatakan di atas oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab bagi mendapatkan keuntungan jangka pendek telah memberikan kesan yang negatif kepada pembinaan masyarakat madani dalam jangka panjang. Jenayah siber sering dilakukan oleh mereka yang tidak melihat kepentingan masyarakat bagi jangka panjang. Jenayah siber juga mempunyai hubungan dengan penipuan dan mengumpaan mangsa yang 'mentah' melalui iklan-iklan dan tawaran-tawaran yang menarik tanpa mengambil kira kesan negatif kepada mangsa. Ini telah membawa mangsa yang 'mentah' terjerumus ke dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

Sindiket antarabangsa juga mempunyai hubungan dengan perkembangan pusat teknologi dan komunikasi moden. Pemerdagangan manusia adalah perdagangan dan perniagaan yang melibatkan pergerakan, penyeludupan atau pergerakan manusia yang melewati sempadan negara secara tidak sah di sisi undang-undang. Ini termasuklah eksploitasi aktiviti buruh secara sah dan juga secara paksa yang didalangi oleh sindiket tempatan dan antarabangsa secara terancang dan licik. Penyeludupan dan pemerdagangan manusia ini boleh berlaku dengan mudah akibat daripada perbezaan taraf pencapaian ekonomi serta taraf hidup masyarakat serta tahap pendidikan yang berbeza di antara negara khususnya negara yang berjiran. Ini akan menjadi lebih mudah lagi jika ketidakupayaan sesebuah negara mengawal kawasan dan sempadan darat dan laut. Biasanya manusia diseludup dan diperdagangkan dari sebuah negara yang miskin, mundur dan rendah taraf pendidikannya ke sebuah negara yang lebih maju, mempunyai potensi ekonomi yang baik yang memungkinkan taraf hidup yang lebih baik. Dalam konteks Malaysia, pergerakan masuk ini berlaku dari Filipina dan Indonesia.

Kelonggaran dan syarat-syarat Imigresen yang dilonggarkan bagi negara-negara anggota ASEAN juga telah memudahkan pergerakan masuk ke Malaysia dengan melakukan salah guna yang terselindung.

Malaysia adalah salah sebuah negara yang disenarai hitam dalam 'watch List' oleh Amerika Syarikat. Seperti yang kita maklum, Malaysia pernah dikelaskan pada tahap 3, tetapi dengan pengenalan kepada 'Anti-Trafficking In Persons' (ATIP) dalam tahun 2007 telah mengubah kedudukan Malaysia kepada tahap 2 pada bulan Jun 2010. Pengenalan ATIP ini sedikit banyak telah membuka laluan yang baik dalam usaha membasmi dan mencegah penyeludupan masuk pendatang khususnya bagi tujuan perdagangan manusia ke luar negara. Tindakan yang lebih efektif dapat dilakukan bagi usaha pencegahan aktiviti pemerdagangan manusia melalui negara ini. Usaha penangkapan, pendakwaan dan perlindungan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Semua usaha ini adalah selaras dengan apa yang dinyatakan dalam Garis Panduan Perlindungan Antarabangsa UNHR Protocol (PALEMOR Protocol).

Penubuhan Pusat Pengurusan Pekerja Malaysia Luar Negara (MOEMC) sedikit sebanyak telah dapat membantu dengan pembekalan maklumat yang diperlukan untuk tindakan seterusnya. Dengan maklumat yang lebih baik dan tepat, tindakan terhadap pekerja-pekerja Malaysia yang berada di luar negara dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Sungguhpun begitu, usaha kita dalam membanteras aktiviti pemerdagangan manusia dan aktiviti-aktiviti negatif yang berkaitan masih terlalu jauh. Masih banyak usaha perlu dilakukan. Tiada jalan singkat dan mudah bagi menangani dan membanteras masalah jenayah serta masalah sosial yang berlaku dalam proses modenisasi yang pesat dan kompleks sifatnya. Forum seperti yang telah diadakan ini adalah sebahagian daripada usaha kita membanteras jenayah yang sedang berlaku. Kembali kepada persoalan asas yang perlu setiap individu yang sedar akan masalah ini adalah; apakah peranan kita

sebagai seorang anggota masyarakat. Dalam memberi jawapan mudah usaha ini tidak dapat diselesaikan oleh satu pihak sahaja. Ia bukan tanggungjawab seorang individu atau badan atau organisasi tertentu sahaja. Tidak mungkin masalah besar yang begitu kompleks sifatnya ini hanya dapat diselesaikan oleh satu pihak atau oleh sebuah jabatan sahaja. Ia perlu usaha dan pembabitan semua pihak, bermula daripada peringkat individu, keluarga, anggota masyarakat, pemimpin masyarakat, pihak sekolah, pihak berkuasa, kementerian-kementerian serta jabatan yang berkaitan dan juga badan-badan sukarela bukan kerajaan. Semua pihak mesti terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dalam konteks komuniti universiti, para mahasiswa dan pembinaaan daya fikirnya memainkan peranan penting dalam menangani isu ini. Para mahasiswa boleh dianggap sebagai nukleas dalam pembangunan negara. Golongan ini memainkan peranan besar sebagai bakal agen penyalur maklumat dasar kerajaan dan pembinaaan daya fikir serta budaya masyarakat. Oleh itu sejak dari alam kampus golongan ini mesti jelas tentang isu-isu semasa yang dihadapi masyarakat agar nanti bila menjadi seorang pentadbir dapat menggunakan kedudukannya dengan lebih tepat dan berkesan. Misalnya, golongan ini mesti faham bagaimana hubungan yang berlaku dan antara proses modenisasi dengan darjah atau tahap kemodenan. Proses modenisasi adalah sesuatu yang tak dapat dihalang dan adalah satu proses yang berterusan. Apa hubungannya di antara nilai-nilai budaya, agama dan tradisi asal akibat daripada kemasukan unsur-unsur 'moden' yang dibawa masuk daripada Barat. Adakah ia sesuai atau perlu satu 'tapisan' yang sewajarnya agar proses kemodenan itu terus berlaku, manakala dalam masa yang sama juga nilai agama dan tradisi asal kita yang positif tetap dipertahankan dan tidak hilang dengan diganti oleh unsur-unsur moden Barat (yang tidak semuanya selaras dengan nilai agama dan budaya asal dan bersifat positif).

Ringkasnya dalam menangani isu-isu semasa yang kompleks, dalam proses kemodenan yang berterusan kita perlu kembali mengamalkan

dan mengukuhkan kefahaman dan falsafah di sebalik nilai-nilai tradisi asal kita, nilai dan ajaran agama suci, moral sejagat dan etika yang baik sesuai dengan cabaran semasa yang dihadapi. Kefahaman kita secara filosof terhadap nilai agama dan budaya kita serta tanggungjawab semasa dalam membangunkan negara mesti selaras serta berada pada tahap yang baik. Apa yang kita harapkan masalah semasa yang berlaku dapat dihadapi dengan baik serta ditangani dengan berkesan, proses pembangunan tidak terganggu dan nilai budaya dan agama tetap dipertahankan. Moga dengan izin-Nya usaha dan cita-cita kita menggapai tahap negara 'maju' dengan acuan kita akan tercapai.

Buku ini merupakan kertas-kertas kerja yang telah dikumpulkan hasil daripada pembentangan dalam seminar Sektor Pelancongan : Isu dan Cabaran Semasa, yang telah diadakan pada 26 Ogos 2010.

Pemilihan kertas kerja adalah berdasarkan kepada aspek Isu Jenayah Siber dan Isu Pemerdagangan Manusia di Malaysia pada masa kini. Buku ini sesuai dijadikan bahan rujukan kepada golongan remaja dan akademik yang membuat kajian tentang isu-isu semasa yang diperkatakan dan akan menjadi cabaran dunia global .



Bahagian Kaunseling dan Bimbingan  
Kerjaya Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Maysia Sabah

ISBN 978-983-2641-67-4

